

Dr. M harap MCA selesai masalah dengan bijak

UM 5 AUG 2001

KUALA LUMPUR 4 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu MCA menyelesaikan sebarang masalah dalamannya secara bijak demi memastikan keutuhan Barisan Nasional (BN) dan kestabilan politik negara.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa masa depan negara amat bergantung kepada BN dan untuk menentukan BN menjadi kuat, semua parti komponennya termasuk MCA juga perlu kukuh.

Justeru, tegas beliau, sekiranya ada masalah dalaman, MCA perlulah menanganinya bak ibarat pepatah Melayu “menarik rambut dari tepung, tepung tak berselerak, rambut tak putus”.

“MCA merupakan parti yang terpenting bersamasama dengan UMNO, maka peliharalah MCA ini.

“Ini adalah tugas kita, anda boleh mempunyai perbezaan pendapat sama seperti (dalam) UMNO tetapi jangan lupa pada tanggungjawab yang ada untuk mewujudkan kestabilan politik. Kalau pun ada masalah saya yakin masalah boleh diselesaikan tanpa melemahkan MCA, saya berdoa supaya MCA terus maju dan kuat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-48 di Wisma MCA hari ini.

Hadir sama ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek.

Semalam, berlaku kekecohan semasa Perhimpunan Agung Tahunan Pemuda MCA ke-38 yang menyaksikan suasana tegang bermula dengan panggilan bom, kejadian membaling kerusi dan tindakan keluar beramai-ramai oleh para perwakilan.

Tulang belakang

Kekecohan itu dipercayai dicituskan oleh sege-lintir perwakilan yang cuba menggagalkan perhimpunan berkenaan yang dijadual meluluskan usul mengehadkan jawatan Presiden, Ketua Pemuda dan Wanita parti kepada tiga penggal atau sembilan tahun.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir mengingatkan bahawa kerjasama antara UMNO dan MCA serta kekuatan kedua-dua parti itu merupakan tonggak kepada kestabilan BN dan kestabilan negara.

Kedua-dua parti, tegas beliau, adalah tulang belakang Perikatan dan sekarang BN.

“Amat penting kita ada dua tulang belakang yang kuat, kita tidak mahu ada tulang belakang yang lemah,” katanya.

Beliau menarik perhatian semasa UMNO menghadapi kesukaran dalam politik sehingga didakwa sebagai parti tidak sah (pada 1988) serta tidak mempunyai tempat dalam politik, MCA tidak pernah cuba memberi sokongan kepada “pihak-pihak serpihan” yang ingin menggantikan UMNO.

“MCA setia kepada UMNO dan sudah tentulah UMNO akan terus setia kepada MCA,” katanya disambut tepukan gemuruh oleh kira-kira 2,000 perwakilan.

Tegas beliau: “Sementara ahli UMNO perlu menentukan UMNO menjadi satu parti yang kuat, anggota MCA juga bertanggungjawab untuk menentukan MCA terus kukuh kerana tanpa kedua-dua parti itu, BN mungkin akan runtuh”.

Dalam ucapannya, beliau juga menaruh keyakinan bahawa orang Cina tidak akan mudah terpedaya dengan tipu helah Pas.

“Hari ini Pas begitu aktif untuk menarik sokongan orang Cina sehingga sanggup untuk tidak menyokong hak istimewa orang Melayu.

“Tetapi saya yakin kalau kedudukan Pas terancam, Pas akan bercakap satu bahasa dengan orang Melayu dan bahasa lain dengan orang Cina,” katanya.

Dalam pada itu, ketika ditemui pada sidang akhbar kemudiannya, Dr. Mahathir berkata, perselisihan pendapat di kalangan ahli parti merupakan perkara biasa dalam politik.

“Dalam MIC dan UMNO juga ada yang berselisih. Ini perkara biasa, mungkin sekarang lebih sedikit.

“Walau apa pun, kita perlu mencari penyelesaian dengan mengutamakan dulu kepentingan parti,” katanya.

Saham

Ditanya sama ada kekecohan semalam berkaitan dengan perasaan tidak puas hati sesetengah perwakilan terhadap pembelian saham Nanyang Press Holdings Sdn. Bhd. oleh Huaren Holdings, syarikat milik MCA, Dr. Mahathir berkata:

“Mungkin ada yang tidak puas hati. Tetapi pemilikan saham dalam Nanyang Holdings ini masih belum ditentukan siapa pemiliknya dan MCA telah pun bersetuju supaya pemilikan sahamnya dalam Nanyang dikurangkan.

“Dan kalau ada pihak bank dan kumpulan-kumpulan orang Cina nak beli saham daripada Huaren, saya fikir MCA akan iual”.